

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 10 DISEMBER 2015 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                            | <b>Akhbar</b> |
|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1.         | Heavy rain next week                                                                    | The Star      |
| 2.         | Polis tidak dapat pastikan barang kes pencerobohan Lahad Datu selepas analisis forensik | BERNAMA       |
| 3.         | ePerolehan, CDC ulangi komitmen bagi keselamatan maklumat antarabangsa                  | BERNAMA       |

# Heavy rain next week

## Weather expected to worsen due to northern cold surge

By ROYCE TAN  
roycet@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Heavy rain is expected in the east coast states of peninsula Malaysia, Sabah and Sarawak next week.

According to the Malaysian Meteorological Department, heavy bouts of rain are forecast to last more than a day due to a cold surge.

Its spokesman Dr Hisham Mohd Anip said the exact day of the occurrence could not be determined yet as the weekly wind forecast changed almost daily.

"Cold air coming from mainland China due to a burst of high air pressure will most probably occur next week.

"People in Sabah, Sarawak and the east coast states need to be on their guard due to this weather phenomenon.

"The rainfall intensity in Sabah and Sarawak might reach up to 100mm a day, while it is around 50mm for the east coast states," he said yesterday.

A rainfall intensity of 50mm is moderate and 100mm is considered heavy.

Dr Hisham said there would be a smaller number of cold surge occurrences during the north-east monsoon season this year due to the El-Nino phenomenon.

He said on average, there would be around five cold surges each season but this year, only two or three were expected.

"The wet spell is expected to last only until the end of the month with generally fair weather from January to March," he said.

The public can get the latest updates on the weather through its website [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) or Facebook page at [www.facebook.com/malaysianmet](http://www.facebook.com/malaysianmet) or its Twitter handle @malaysianmet.

Meanwhile, Fire and Rescue Department director-general Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim said the department was already on standby and ready for any eventuality.

He said there were some 14,000 personnel nationwide and they were prepared to be deployed for rescue operations.

"Since Nov 15, we have already

set up operation centres to monitor the flood situation in the country.

"Our personnel also keep tabs of weather forecasts daily and are in constant contact with the Meteorological Department," said Wan Mohd Nor.

He added that the department had purchased 50 additional rescue boats this year, bringing the total number to 600 boats nationwide.

"We have also bought 100 lorries to facilitate evacuation exercises and 200 generator sets to be used for lighting and charging cellphones in the event of power failures due to flooding.

"These generators will also be sent to flood relief centres," he said.



## **Polis Tidak Dapat Pastikan Barang Kes Pencerobohan Lahad Datu Selepas Analisis Forensik**

KOTA KINABALU, 9 Dis (Bernama) -- Seorang pegawai polis tidak dapat memastikan sama ada barang kes digital pencerobohan Lahad Datu yang diperoleh dari [CyberSecurity Malaysia](#) sama dengan yang dihantar untuk analisis forensik, Mahkamah Tinggi diberitahu di sini hari ini.

Bekas pegawai penyiasat Semporna Insp. Mohamad Ali Yusran Osman berkata, ini disebabkan barang kes yang diperoleh telah dibungkus semula selepas ia dianalisis.

"Bungkusan barang kes yang saya terima dimeterai oleh pihak CyberSecurity Malaysia dan bungkusan plastik itu semua berwarna gelap," katanya pada perbicaraan 30 individu yang dikaitkan dengan pencerobohan kumpulan bersenjata Sulu di Kampung Tanduo, Lahad datu pada Februari 2013.

Mohamad Ali Yusran yang kini bertugas di ibu pejabat polis Daerah Klang Utara berkata, beliau telah diarahkan Ketua Siasatan Jenayah Semporna, DSP Zairolnizal Ishak untuk mengumpul barang kes digital dari CyberSecurity Malaysia sebanyak tiga kali pada 2013 iaitu 24 April, 17 Julai dan 10 Sept.

Menjawab soalan timbalan pendakwa raya Datuk Abdul Wahab Mohamed katanya, beliau tidak mengambil kesempatan untuk melihat barang kes dalam bungkusan yang diterima dari CyberSecurity Malaysia sebab ia telah dianalisis dan dibungkus oleh agensi digital itu.

Sebaliknya beliau telah menyerahkan semua barang kes kepada Zairolnizal selepas kembali ke Semporna.

Mohamad Ali Yusran berkata beliau turut terlibat dengan siasatan ke atas seorang tertuduh, Norhaida Ibnahi yang ditangkap dalam serang hendap di Kampung Sri Melor di Semporna pada 22 Mac 2013 atas kesalahan imigresen.

"Norhaida dibebaskan daripada siasatan di bawah Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen selepas polis mendapat pengesahan daripada Jabatan Pendaftaran Negara bahawa kad MyPR miliknya adalah sah," katanya.

Bagaimanapun selepas dibebaskan beliau memberitahu mahkamah wanita itu telah ditahan semula di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Sementara itu, Penolong Ketua Pengarah D13 Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman (Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia) ACP Hussein Omar Khan berkata beliau terlepas pandang satu kad memori semasa memeriksa barang kes digital sebelum menyerahkannya kepada CyberSecurity Malaysia untuk analisis.

Beliau berkata sebenarnya terdapat enam kad memori di sebalik lima yang diterima dari Inspektor Mohd Faiz Che Mamat pada 4 April 2013 bersama-sama dengan sembilan telefon bimbit, tujuh bateri telefon bimbit dan enam kad SIM berhubung laporan polis yang dibuat di Kunak.

Ketika menjawab soalan timbalan pendakwa raya Datuk Jamil Aripin pegawai kanan polis itu berkata, beliau tidak tahu bagaimana enam kad memori terbabit ditemui semasa kakitangan CyberSecurity Malaysia, Fauzi Mohd Darus memeriksa barang kes itu.

Di kandang tertuduh 27 rakyat Filipina dan tiga lelaki tempatan yang berdepan satu hingga pelbagai pertuduhan menganggotai kumpulan pengganas dan melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga didakwa merekrut anggota untuk kumpulan pengganas atau secara sukarela melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan pengganas.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 12 Feb dan 10 April 2013.

Pendengaran di hadapan Hakim Stephen Chung di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok.

-- BERNAMA



## ePerolehan, CDC Ulangi Komitmen Bagi Keselamatan Maklumat Antarabangsa

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Sistem perolehan elektronik kerajaan, ePerolehan, dan syarikat berstatus MSC, Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDC), mengulangi semula komitmen dan pematuhan mereka terhadap amalan terbaik keselamatan maklumat antarabangsa.

CDC merupakan syarikat e-dagang yang membangunkan sistem perolehan kerajaan, ePerolehan.

Menurut CDC, kumpulan pegawai keselamatan daripada projek ePerolehan diperakui sebagai Juru Audit Utama Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO27001 oleh [SIRIM](#) dan Exemplar Global, syarikat pengurusan pensijilan dan kelayakan pegawai.

ISMS ISO 2700 merupakan kerangka amalan terbaik yang diiktiraf antarabangsa bertujuan menyediakan model bagi mewujudkan, melaksanakan, mengendali, memantau, menyemak semula, menyelenggara dan meningkatkan sistem pengurusan keselamatan maklumat, menurut CDC dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut CDC pengurusan risiko keselamatan menyeluruh adalah penting dalam dunia hari ini apabila jumlah serangan siber semakin canggih dan meningkat.

"Dalam jangka panjang, mempunyai pasukan juru audit utama yang bertauliah akan memberi jaminan bahawa kita adalah konsisten dengan usaha cemerlang kita dalam pengurusan keselamatan maklumat dan mampu melaksanakannya melalui pendekatan yang menjimatkan kos," kata Ketua Pengurusan Operasi IT dan Infrastruktur CDC, Adi Hazman Zahri.

-- BERNAMA